



## Bacaan Pantas sebagai Inovasi Pedagogi untuk Memupuk Minat terhadap Jawi

DAYANG AZIMAH BINTI ABANG YUSOF<sup>1, a</sup> and KHAIRIL BAHROM BIN ROSLI<sup>2, b</sup>

<sup>1</sup> Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

<sup>2</sup> Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

<sup>a</sup>[dayangazimah@uitm.edu.my](mailto:dayangazimah@uitm.edu.my) & <sup>b</sup>[khairilbahrom715@uitm.edu.my](mailto:khairilbahrom715@uitm.edu.my)

### Abstrak

Dalam dunia digital hari ini, masyarakat sering berdepan dengan lambakan maklumat, namun ramai yang masih tidak memiliki kemahiran membaca secara efektif. Tabiat membaca perlahan, suka mengulang ayat, dan mudah hilang fokus menyukarkan penyerapan maklumat. Justeru, teknik bacaan pantas diperkenalkan sebagai satu pendekatan untuk meningkatkan kelajuan membaca, kefahaman dan minat terhadap bahan bacaan. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan teknik bacaan pantas dalam meningkatkan minat dan kecekapan membaca tulisan Jawi dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Kajian ini dilaksanakan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak dan melibatkan pelajar daripada pelbagai fakulti yang mengunjungi Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR). Kaedah kajian yang digunakan ialah pendekatan kuantitatif melalui instrumen soal selidik dalam talian, yang dibangunkan menggunakan Google Forms dan diakses melalui kod QR. Sebanyak 150 responden terlibat, terdiri daripada pelajar diploma dari enam buah fakulti yang dipilih secara persampelan rawak. Analisis data telah dijalankan menggunakan perisian Google Sheet dan Microsoft Excel. Hasil dapatan lebih separuh daripada responden menggunakan kaedah panduan visual seperti jari telunjuk atau pen semasa membaca Jawi. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar telah mengamalkan teknik bacaan pantas seperti skimming (48%) dan scanning (42%), manakala 92% menyatakan bahawa teknik ini membantu meningkatkan kecekapan dan minat membaca Jawi. Dapatan ini membuktikan bahawa teknik bacaan pantas berpotensi besar sebagai inovasi pedagogi yang boleh diterapkan secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi, khususnya dalam kalangan generasi muda.

**Kata Kunci:** Bacaan pantas, jawi, kemahiran, pedagogi

### 1. Pengenalan

Dalam era digital yang berkembang pesat, masyarakat sering terdedah kepada lambakan maklumat yang memerlukan kemahiran membaca secara pantas dan efisien. Namun, kelemahan dalam teknik membaca seperti membaca secara perlahan, mengulang ayat dan mudah hilang fokus menjadi penghalang kepada pemahaman dan penyerapan ilmu yang berkesan. Hal ini turut memberi kesan kepada penguasaan tulisan Jawi, khususnya dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Tulisan Jawi yang kaya dengan nilai warisan dan sejarah, semakin kurang diberi perhatian berbanding tulisan Rumi. Kajian Ismail dan Hassan (2017) pula menunjukkan bahawa kaedah pengajaran tradisional turut menyumbang kepada penurunan minat terhadap tulisan Jawi. Justeru, inovasi pedagogi seperti bacaan pantas diperkenalkan sebagai pendekatan yang boleh membantu meningkatkan minat serta kecekapan membaca tulisan Jawi. Teknik bacaan pantas seperti mengaplikasikan penggunaan teknik Index Finger Method iaitu menggunakan jari telunjuk atau pen dan teknik Index Card iaitu menggunakan kad atau penanda halaman. Selain itu, teknik skimming dan scanning juga membolehkan pelajar memperoleh maklumat dengan lebih cepat dan berkesan. Grabe dan Stoller (2013) menyatakan bahawa teknik ini dapat mengurangkan gangguan bacaan dan meningkatkan fokus pelajar ketika membaca teks yang panjang dan kompleks. Nation (2009) turut menyokong bahawa bacaan pantas memperkukuh penguasaan kosa kata dan pemahaman bacaan. Kajian Abdul Rahman et al. (2018) mendapati pendekatan inovatif seperti bacaan pantas boleh menjadi pemangkin dalam meningkatkan kecekapan pelajar membaca Jawi dengan lebih efektif.

### 2. Kajian Literatur

Kajian literatur bagi kajian ini merangkumi beberapa topik utama yang berkaitan secara langsung dengan objektif penyelidikan, iaitu bacaan pantas, teknik bacaan pantas, tabiat membaca pelajar, serta kecekapan bacaan Jawi. Setiap topik ini dibincangkan bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang bagaimana pendekatan bacaan pantas boleh digunakan sebagai satu inovasi pedagogi dalam usaha memupuk minat pelajar terhadap tulisan Jawi. Kajian terdahulu yang berkaitan turut dianalisis untuk menyokong rasional penggunaan strategi ini dalam konteks pembelajaran moden.



## 2.1 Bacaan pantas

Tony Buzan (2006) memperkenalkan bacaan pantas sebagai satu teknik untuk meningkatkan kelajuan membaca tanpa menjejaskan kefahaman. Beliau menegaskan bahawa individu biasa membaca sekitar 250 patah perkataan seminit, manakala fikiran manusia mampu memproses sehingga 1,000 patah perkataan seminit. Perbezaan ini menyebabkan pembaca mudah hilang fokus. Bacaan pantas membantu mengurangkan gangguan mental dan membolehkan pembaca memahami serta mengingat maklumat dengan lebih baik. Dalam konteks pendidikan, bacaan pantas digunakan untuk meningkatkan kecekapan pelajar mengakses maklumat dengan lebih berkesan, terutamanya dalam situasi yang memerlukan pengambilan maklumat secara pantas.

## 2.2 Teknik Bacaan Pantas

Pelbagai teknik bacaan pantas telah dibangunkan, antaranya penggunaan panduan visual (seperti jari atau pen), skimming, scanning dan teknik chunking, iaitu membaca dalam kelompok perkataan. Teknik-teknik ini dapat melatih pelajar mengurangkan gangguan bacaan dan meningkatkan fokus ketika membaca bahan yang panjang atau kompleks (Grabe & Stoller, 2013). Dalam pengajaran Jawi, teknik bacaan pantas boleh diadaptasi untuk membantu pelajar mengenal huruf dan struktur ayat dengan lebih cepat.

## 2.3 Tabiat Membaca

Tabiat membaca merangkumi kecenderungan, motivasi dan rutin seseorang terhadap aktiviti membaca. Tabiat ini amat penting kerana ia mempengaruhi tahap literasi dan pencapaian akademik pelajar. Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang memiliki tabiat membaca yang konsisten cenderung untuk lebih memahami bahan bacaan dan mencapai keputusan akademik yang lebih baik (Clark & Rumbold, 2006). Justeru, memupuk minat membaca melalui pendekatan inovatif seperti bacaan pantas mampu menyokong pembentukan tabiat membaca yang positif.

## 2.4 Kecekapan Bacaan Jawi

Kecekapan bacaan Jawi merujuk kepada kemampuan pelajar untuk mengenal huruf, memahami struktur ayat dan membaca dengan lancar dalam tulisan Jawi. Ramai pelajar menghadapi kesukaran dalam membaca Jawi disebabkan kurang pendedahan dan kelemahan dalam asas pembelajaran. Penggunaan pendekatan seperti bacaan pantas boleh menjadi inovasi pedagogi yang membantu pelajar menguasai bacaan Jawi dengan lebih berkesan, seterusnya meningkatkan keyakinan mereka dalam menggunakan tulisan tersebut (Yusof & Ariffin, 2015).

## 3. Kaedah kajian

Dalam kajian ini, pendekatan kuantitatif telah digunakan. Menurut Caldenas (2019), kita menjalankan penyelidikan dengan data kuantitatif apabila data tersebut berbentuk nombor (atau apabila maklumat yang diperoleh diwakili dalam skala berangka). Soal selidik berasaskan tinjauan telah disediakan menggunakan Google Forms dan persampelan rawak telah diedarkan sebanyak 150 orang responden iaitu di kalangan pelajar UiTM Sarawak dari pelbagai fakulti semasa kedatangan pelajar ke Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Sarawak.

| Fakulti   | Jumlah responden |
|-----------|------------------|
| Fakulti A | 29 orang         |
| Fakulti B | 25 orang         |
| Fakulti C | 39 orang         |
| Fakulti D | 14 orang         |
| Fakulti E | 20 orang         |
| Fakulti F | 23 orang         |


Soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu Bahagian A yang merangkumi maklumat am seperti nama, ID pelajar, jantina, dan fakulti, manakala Bahagian B mengandungi soalan khusus berbentuk tertutup yang berkaitan dengan kesedaran bacaan jawi di kalangan pelajar. Soal selidik ini telah diedarkan secara dalam talian dengan menyediakan kod QR yang boleh diimbas oleh pelajar untuk mengakses borang soal selidik tersebut.



Bagi tujuan pengumpulan data responden, pelajar telah diberi masa antara 5 hingga 10 minit untuk menjawab soal selidik ini semasa kunjungan mereka ke perpustakaan. Data yang diperoleh telah direkod menggunakan Google Sheet dan dianalisis melalui Microsoft Excel. Hasil dapatan kemudiannya ditunjukkan dalam bentuk carta bar menegak, manakala keputusan yang lebih terperinci dibentangkan dalam bahagian seterusnya.

#### 4. Dapatan dan analisis kajian

Dapatan daripada kajian ini menunjukkan sokongan yang kukuh dalam usaha mengenal pasti dan mengukur kecekapan membaca jawi dalam kalangan pelajar, terutamanya dari segi teknik bacaan pantas yang diaplikasikan. Soal selidik telah dibina berdasarkan objektif kajian, dan maklum balas yang diperoleh telah dianalisis. Hasil analisis ditunjukkan melalui carta pai seperti yang dipaparkan. Oleh itu, proses analisis data telah dilaksanakan menggunakan perisian Google Sheet dan Microsoft Excel.



Rajah 1 (a): Jumlah pelajar mengikut jantina

| Jantina   | Jumlah pelajar | Peratus |
|-----------|----------------|---------|
| Lelaki    | 42 orang       | 28 %    |
| Perempuan | 108 orang      | 72 %    |

Jadual 1 (a): Jumlah pelajar mengikut jantina

Rajah 1(a) menunjukkan jantina responden. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada pelajar perempuan iaitu sebanyak 72%, manakala selebihnya adalah pelajar lelaki sebanyak 28%. Oleh itu, dapat dijangkakan bahawa kebanyakan universiti termasuk UiTM didominasi oleh pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki.



## Minat membaca Jawi




Rajah 2: Minat membaca jawi

| Maklumbalas | Jumlah responden | Peratus |
|-------------|------------------|---------|
| Ya          | 122 orang        | 81 %    |
| Tidak       | 28 orang         | 19 %    |

Jadual 2: Minat membaca jawi

Rajah menunjukkan kecenderungan responden terhadap minat membaca tulisan Jawi. Berdasarkan data, sebanyak 81% daripada responden menyatakan bahawa mereka gemar membaca Jawi, manakala 19% pula tidak berminat. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar masih mempunyai minat terhadap pembacaan dalam tulisan Jawi, walaupun dalam era digital yang lebih cenderung kepada penggunaan tulisan Rumi. Peratusan yang tinggi ini memberikan isyarat positif terhadap potensi penggunaan teknik atau inovasi pengajaran, seperti bacaan pantas, dalam usaha meningkatkan lagi minat dan penguasaan pelajar terhadap tulisan Jawi.

## Teknik bacaan pantas




Rajah 3 (a): Teknik bacaan pantas



| Teknik bacaan pantas  | Jumlah responden | Peratus |
|-----------------------|------------------|---------|
| Jari telunjuk / pen   | 81 orang         | 54 %    |
| Kad / penanda halaman | 36 orang         | 24 %    |
| Tiada teknik          | 33 orang         | 22 %    |

Jadual 3 (a): Teknik bacaan pantas

Rajah menunjukkan penggunaan teknik bacaan pantas dalam kalangan responden, khususnya teknik Index Finger Method dan Index Card. Daripada keseluruhan responden, sebanyak 54% menyatakan mereka menggunakan jari telunjuk atau pen sebagai panduan semasa membaca (Index Finger Method). Sementara itu, 24% menggunakan kad atau penanda halaman untuk menutup perkataan yang telah dibaca (Index Card), manakala 22% responden tidak menggunakan sebarang teknik bacaan pantas. Dapatan ini menunjukkan bahawa lebih separuh daripada responden telah mempraktikkan salah satu teknik bacaan pantas secara semula jadi atau sedar. Ini memberikan indikasi bahawa pelajar bersedia dan berpotensi untuk menerima serta mengaplikasikan strategi bacaan pantas dalam pembelajaran mereka, termasuk dalam pembacaan tulisan Jawi. Justeru, pendekatan pedagogi yang berasaskan bacaan pantas boleh dimanfaatkan sebagai satu bentuk inovasi yang berkesan untuk meningkatkan tumpuan dan kefahaman membaca.



Rajah 3 (b): Teknik bacaan pantas

| Teknik bacaan pantas | Jumlah responden | Peratus |
|----------------------|------------------|---------|
| Skimming             | 72 orang         | 48 %    |
| Scanning             | 63 orang         | 42 %    |
| Tiada teknik         | 15 orang         | 10 %    |

Jadual 3 (b): Teknik bacaan pantas

Berdasarkan rajah yang ditunjukkan, 48% responden menyatakan mereka menggunakan teknik skimming, menunjukkan bahawa hampir separuh daripada pelajar menggunakan teknik ini untuk mendapatkan gambaran umum kandungan bacaan dengan pantas. Manakala, 42% pula menggunakan teknik scanning, iaitu kaedah membaca dengan tujuan mencari maklumat tertentu dalam teks dengan cepat. Hanya 10% responden tidak menggunakan sebarang teknik bacaan pantas, yang mungkin mencerminkan kurangnya pendedahan terhadap strategi bacaan ini atau ketidaksesuaian dengan gaya pembelajaran mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar mengamalkan sekurang-kurangnya satu bentuk teknik bacaan pantas dalam proses pembelajaran mereka. Teknik skimming dan scanning terbukti dapat membantu pelajar dalam menjimatkan masa, meningkatkan pemahaman awal terhadap kandungan, serta menyokong kebolehan mereka mencari maklumat dengan lebih efisien.



## Impak penggunaan teknik bacaan pantas dalam bacaan Jawi



Rajah 4: Impak penggunaan teknik bacaan pantas dalam bacaan Jawi

| Maklumbalas | Jumlah responden | Peratus |
|-------------|------------------|---------|
| Ya          | 138 orang        | 92 %    |
| Tidak       | 12 orang         | 8 %     |

Jadual 4: Impak penggunaan teknik bacaan pantas dalam bacaan Jawi

Berdasarkan rajah 4 tersebut, sebanyak 92% responden telah menjawab “Ya”, manakala hanya 8% sahaja yang menjawab “Tidak”. Ini menunjukkan bahawa sebilangan besar responden berpendapat bahawa teknik bacaan pantas memberi impak positif terhadap pembelajaran Jawi mereka. Majoriti menyatakan bahawa teknik ini bukan sahaja berjaya meningkatkan kecekapan membaca, malah turut menambah minat mereka terhadap tulisan Jawi. Secara keseluruhannya, hasil ini membuktikan bahawa penggunaan teknik bacaan pantas merupakan satu pendekatan yang efektif dan wajar diteruskan atau diperluas penggunaannya dalam pengajaran Jawi. Ini juga mencadangkan bahawa pendekatan inovatif dalam kaedah pengajaran mampu memberikan hasil yang memberangsangkan dalam meningkatkan penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar.

## 5. Rumusan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa teknik bacaan pantas memberikan kesan positif terhadap minat dan kecekapan pelajar dalam membaca tulisan Jawi. Majoriti responden telah mengamalkan teknik skimming dan scanning, serta menunjukkan penerimaan yang tinggi terhadap penggunaan teknik tersebut dalam pembelajaran mereka. Hasil soal selidik membuktikan bahawa pelajar bukan sahaja bersedia untuk menerima teknik bacaan pantas, malah berpendapat bahawa ia mampu meningkatkan tumpuan, kefahaman dan menjimatkan masa semasa membaca. Selain itu, teknik ini turut membantu pelajar memahami struktur tulisan Jawi dengan lebih cepat dan berkesan. Maka, dapat disimpulkan bahawa bacaan pantas berpotensi sebagai satu inovasi pedagogi yang boleh diaplikasikan secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran Jawi, sekali gus memperkukuh literasi Jawi dalam kalangan generasi muda.

## Rujukan

- Abdul Rahman, M., Zainal, N., & Hamzah, N. (2018). Penggunaan teknologi dalam pembelajaran Jawi. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 12(1), 45–56.
- Anderson, N. J. (1999). *Exploring second language reading: Issues and strategies*. Heinle & Heinle.
- Buzan, T. (2006). *The speed reading book*. BBC Active.
- Grabe, W., & Stoller, F. L. (2013). *Teaching and researching reading* (2nd ed.). Routledge.
- Ismail, R., & Hassan, S. (2017). Kaedah pengajaran tradisional dan implikasinya terhadap minat pelajar dalam tulisan



- 
- Jawi. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(2), 67–75.
- Nation, I. S. P. (2009). *Teaching ESL/EFL reading and writing*. Routledge.
- Nuttall, C. (2005). *Teaching reading skills in a foreign language* (3rd ed.). Macmillan Education.
- Yusof, R., & Ariffin, M. (2015). Strategi meningkatkan kemahiran bacaan Jawi dalam kalangan pelajar. *Jurnal Warisan*, 8(1), 21–30.